

Lawatan dalami kemahiran TVET

PELAJAR Kolej Vokasional Kajang mengadakan lawatan ke pertandingan ASEAN Skills Competition 2016 (ASC 2016) yang berlangsung di Tapak Ekspos Pertanian Malaysia (MAEPS) di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Guru pembimbing, Azmie Arshad berkata, lawatan pelajar jurusan Perkhidmatan Selepas Jualan Automotif ini bertujuan memberi pendedahan mengenai Latihan Teknikal dan pendidikan Vokasional (TVET) yang merupakan komponen penting pendidikan semasa dan akan datang.

"Lawatan ini merupakan usaha ke arah pemantapan pengetahuan TVET dalam kalangan pelajar selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Ma-

laysia 2013-2025," katanya.

ASC 2016 merupakan platform kepada negara ASEAN yang mengambil bahagian untuk membangunkan pekerja berkemahiran tinggi.

Pekerja mahir terutama dalam bidang TVET menjadi teras utama dalam mengekalkan dan melonjakkan kemajuan rantau ini secara dinamik.

Sementara itu, Ketua Kelas, Afif Muammar Sidik Kamsari memberitahu, dia mendapat banyak pengetahuan baharu terutama tentang enjin kereta.

"Saya berhasrat untuk menyertai pertandingan seperti ini pada masa depan bagi menguji potensi dan mencabar keupayaan diri," katanya bersemangat.



CIKGU AZMIE ARSHAD (berdiri, kiri) bersama-sama pelajar Perkhidmatan Selepas Jualan Automotif Kolej Vokasional Kajang yang mengadakan lawatan ke ASC 2016 di Maeps Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Utusan Malaysia
Isnin 10 Okt 2016